



INTERNATIONAL JOURNAL
OF LAW, GOVERNMENT
AND COMMUNICATION
(IJLGC)

www.gaexcellence.com/ijlgc



**“KENAPAKAH AKU SUKAR MENDAPATKAN
PEKERJAAN” KAJIAN TERHADAP GELANDANGAN
BEKAS BANDUAN WANITA DI JALAN CHOW KIT**

*“WHY IS IT DIFFICULT FOR ME TO FIND EMPLOYMENT?” A STUDY
OF HOMELESS FORMER PRISONERS WOMEN IN JALAN CHOW KIT*

Mohd Alif Jasni^{1*}, Roziana Muhamad Sharif², Parimala Muthu³, Mohd Saiful Osman⁴,
Mohd Zulhusni Hasani⁵

¹Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok Kedah

 mohd.alif.jasni@uum.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-3915-8935>

² Bahagian Pembangunan Profesionalisme Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang-Semenyih By Pass, 43000 Kajang, Selangor

 chemor6339@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0001-0373-4726>

³ Cawangan Khas Bukit Aman, 50560 Kuala Lumpur

 parimala_muthu@yahoo.com

 <https://orcid.org/0009-0007-9088-4178>

⁴ Cawangan Khas Bukit Aman, 50560 Kuala Lumpur

 mohdsaifulepon@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0001-3063-056X>

⁵ Ibu Pejabat Polis Daerah Shah Alam, 40100 Shah Alam, Selangor

 son_1511@yahoo.com

 <https://orcid.org/0009-0002-0080-2372>

*Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 24.06.2026

Revised date: 23.07.2026

Accepted date: 02.08.2026

Published date: 14.09.2026

Abstrak:

Gelandangan wanita yang merupakan bekas banduan merupakan antara kumpulan yang paling terpinggir dalam masyarakat kerana berhadapan dengan pelbagai bentuk ketidakadilan sosial, ekonomi dan gender secara serentak. Selepas dibebaskan daripada penjara, mereka sering menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan yang stabil akibat stigma terhadap rekod jenayah lampau, ketidakstabilan tempat tinggal, masalah kesihatan fizikal dan mental, serta pengalaman trauma dan diskriminasi dalam pasaran pekerjaan. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan proses reintegrasi sosial, malah meningkatkan risiko kemiskinan berpanjangan, gelandangan kronik dan pengulangan jenayah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu

To cite this document:

Jasni, M. A., Sharif, R. M., Muthu, P., Osman, M. S., & Hasani, M. Z. (2026). "Kenapakah Aku Sukar Mendapatkan Pekerjaan" Kajian Terhadap Gelandangan Bekas Banduan Wanita Di Jalan Chow Kit. *International Journal of Law, Government and Communication*, 11(45), 143-168.

bual mendalam terhadap tiga orang gelandangan bekas banduan wanita di sekitar Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. Pemilihan informan kajian dibuat berdasarkan beberapa kriteria, iaitu wanita, mempunyai rekod jenayah lampau, bebas daripada sebarang penyakit psikologi yang serius, dan merupakan warganegara Malaysia. Hasil kajian mengenal pasti dua tema utama, iaitu peluang pekerjaan yang terhad dan cabaran ekonomi serta kewangan. Tema peluang pekerjaan yang terhad merangkumi subtema tahap pendidikan yang rendah, rekod pemenjaraan dan pekerjaan yang tidak stabil. Sementara itu, tema cabaran ekonomi dan kewangan melibatkan subtema pendapatan yang tidak mencukupi untuk menampung keperluan hidup serta kesukaran mendapatkan pekerjaan yang sesuai. Kesimpulannya, gelandangan bekas banduan wanita berhadapan dengan pelbagai halangan struktur dan sosial yang menjejaskan peluang mereka untuk membina semula kehidupan selepas pembebasan. Oleh itu, intervensi yang lebih menyeluruh melalui penyediaan peluang pekerjaan, latihan kemahiran, sokongan ekonomi dan pengurangan stigma masyarakat amat diperlukan bagi membantu proses reintegrasi sosial golongan ini secara lebih berkesan.

DOI: 10.35631/IJLGC.1145010

Kata Kunci:

Cabaran, Diskriminasi, Gelandangan Bekas Banduan Wanita, Peluang Pekerjaan

Abstract:

Homeless women who are former prisoners are among the most marginalized groups in society as they simultaneously face various forms of social, economic, and gender injustices. Following their release from prison, they often encounter difficulties in securing stable employment due to the stigma of past criminal records, housing instability, physical and mental health issues, as well as traumatic experiences and discrimination within the labor market. This situation not only hampers the social reintegration process but also escalates the risk of prolonged poverty, chronic homelessness, and recidivism. This study employs a qualitative approach through in-depth interviews with three homeless former prisoner women in the vicinity of Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. The selection of study participants was based on several criteria: being women, having a prior criminal record, being free from serious psychological illnesses, and being a Malaysian citizen. The findings identified two primary themes: limited employment opportunities and economic as well as financial challenges. The theme of limited employment opportunities encompasses subthemes of low education levels, incarceration records, and unstable employment. Meanwhile, the theme of economic and financial challenges involves subthemes of insufficient income to sustain basic living needs and difficulties in obtaining suitable employment. In conclusion, homeless ex-prisoner women face various structural and social barriers that undermine their chances of rebuilding their lives after release. Therefore, comprehensive interventions through the provision of job opportunities, skills training, economic support, and the reduction of social stigma are essential to facilitate the social reintegration process for this group more effectively.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijlgc@gaexcellence.com

Keyword:

Challenges, Discrimination, Employment Opportunities, Homeless Ex-Prisoners Women

Pengenalan

Kehidupan selepas dibebaskan dari penjara sering kali tidak membawa kepada permulaan baharu yang stabil, sebaliknya merupakan satu tempoh transisi yang penuh dengan ketidakpastian dan cabaran. Pelbagai kajian antarabangsa menunjukkan bahawa bekas banduan berhadapan dengan masalah yang saling berkait seperti kemiskinan, pengangguran, kekurangan tempat tinggal, masalah kesihatan fizikal dan mental, dan serta stigma sosial yang berpanjangan. Walaupun terdapat faktor pelindung seperti sokongan keluarga, pegangan agama dan program bantuan komuniti yang mampu membantu proses reintegrasi, ramai bekas banduan masih bergelut untuk membina semula kehidupan mereka selepas dibebaskan (Agtong et al., 2023; Schartmueller, 2020).

Dari sudut ekonomi, kebanyakan individu yang keluar dari penjara tidak mempunyai simpanan kewangan, menanggung hutang yang tinggi, dan berdepan peluang pekerjaan yang sangat terhad. Ketiadaan sumber pendapatan yang stabil menyebabkan ramai daripada mereka bergantung kepada bantuan keluarga atau kebajikan awam untuk meneruskan kehidupan harian. Situasi ini menjadi lebih rumit apabila mereka turut mengalami masalah tempat tinggal. Perumahan yang selamat dan stabil merupakan keperluan asas yang penting dalam proses reintegrasi sosial, namun ia sering sukar diperolehi oleh bekas banduan. Kekurangan tempat tinggal bukan sahaja menghalang mereka daripada mendapatkan pekerjaan yang tetap, malah boleh menjejaskan peluang untuk mendapatkan pembebasan bersyarat serta menyukarkan usaha menyatukan semula hubungan dengan ahli keluarga dan anak-anak (Bidola et al., 2024; Mourão et al., 2025).

Selain itu, rekod jenayah lampau menjadi salah satu halangan terbesar dalam proses integrasi semula ke dalam masyarakat. Ramai bekas banduan berdepan dengan prasangka, ketidakpercayaan dan diskriminasi dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk pekerjaan, perumahan dan hubungan sosial. Stigma ini menyebabkan mereka berasa terasing, tidak diterima dan kehilangan rasa kepunyaan dalam komuniti (Curib et al., 2023; Gungea, 2025; Western, 2018). Pada masa yang sama, masalah kesihatan seperti penyakit kronik, ketagihan dadah, gangguan kesihatan mental dan kesan buruk akibat pengalaman di penjara turut mengurangkan keupayaan mereka untuk mendapatkan serta mengekalkan pekerjaan yang stabil. Keadaan ini seterusnya meningkatkan risiko pengulangan jenayah atau residivisme (Pino et al., 2021; Western et al., 2015).

Bagi gelandangan bekas banduan wanita, cabaran yang dihadapi adalah lebih kompleks kerana mereka berada pada persimpangan beberapa bentuk kerentanan sosial. Mereka bukan sahaja bekas banduan, tetapi juga wanita dan gelandangan yang sering mengalami kemiskinan tegar, trauma, masalah kesihatan, keganasan berasaskan gender dan diskriminasi sosial. Dalam konteks ini, peluang pekerjaan memainkan peranan yang sangat penting kerana pekerjaan merupakan mekanisme utama untuk membolehkan mereka keluar daripada kitaran kemiskinan,

kebergantungan dan kehidupan di jalanan. Namun begitu, mendapatkan pekerjaan yang sesuai merupakan antara cabaran terbesar yang perlu mereka hadapi.

Salah satu halangan utama ialah keperluan untuk mendedahkan rekod jenayah dalam permohonan pekerjaan. Banyak majikan enggan mengambil pekerja yang mempunyai sabitan jenayah, sekali gus mengehadkan peluang bekas banduan wanita untuk memperoleh pekerjaan yang sah dan stabil (Keene et al., 2018; Salem et al., 2021). Keadaan menjadi lebih sukar apabila mereka tidak mempunyai alamat kediaman tetap. Penggunaan alamat pusat perlindungan atau rumah perlindungan sering dianggap sebagai petunjuk bahawa seseorang individu tidak stabil atau tidak boleh dipercayai, menyebabkan majikan lebih cenderung memilih calon yang mempunyai tempat tinggal tetap (Salem et al., 2019).

Tambahan pula, pengalaman hidup yang panjang dalam keadaan gelandangan, pendedahan kepada keganasan, penyalahgunaan dadah dan masalah kesihatan yang berpanjangan telah menjejaskan keupayaan ramai gelandangan bekas banduan wanita untuk bersaing dalam pasaran pekerjaan. Kajian menunjukkan bahawa kadar trauma, kemurungan dan gangguan tekanan pascatrauma (PTSD) adalah tinggi dalam kalangan bekas banduan wanita yang pernah mengalami masalah bergelandangan. Masalah psikologi ini boleh menjejaskan motivasi, keyakinan diri, kemahiran komunikasi serta keupayaan mereka untuk mengekalkan pekerjaan dalam jangka masa panjang (Baker et al., 2023; Harding et al., 2014; Ripper, 2023).

Di samping itu, diskriminasi dan ketakutan terhadap penghakiman sosial turut menyebabkan sebahagian wanita memilih untuk menyembunyikan identiti serta mengelakkan diri daripada mendapatkan bantuan yang disediakan oleh agensi kerajaan atau pertubuhan bukan kerajaan. Pengalaman ditolak berulang kali oleh majikan, menerima upah yang rendah, ketiadaan faedah pekerjaan dan tekanan ekonomi yang mendesak telah menyebabkan sesetengah daripada mereka mencari sumber pendapatan alternatif yang lebih cepat walaupun berisiko atau menyalahi undang-undang (Lutze et al., 2014; Milaney et al., 2020; Salem et al., 2021). Dalam banyak keadaan, mereka terpaksa berpindah-randah antara pekerjaan berupah rendah dalam sektor penjagaan dan perkhidmatan dengan aktiviti ekonomi tidak formal seperti kerja seks bagi memenuhi keperluan asas harian. Kedua-dua bentuk pekerjaan ini sering dikaitkan dengan tahap kesihatan yang rendah, ketidakstabilan ekonomi dan harga diri yang lemah (Fahmy et al., 2022).

Oleh itu, peluang pekerjaan bagi gelandangan bekas banduan wanita perlu dilihat bukan sekadar sebagai sumber pendapatan, tetapi sebagai instrumen penting dalam proses pemerkasaan sosial, pemulihan psikologi dan reintegrasi masyarakat. Penyediaan peluang pekerjaan yang inklusif, latihan kemahiran, program penempatan pekerjaan, insentif kepada majikan serta pengurangan diskriminasi terhadap bekas banduan wanita adalah antara langkah yang boleh membantu mereka membina semula kehidupan yang lebih stabil. Tanpa akses kepada pekerjaan yang bermaruah dan berterusan, usaha untuk mengurangkan gelandangan, kemiskinan dan residivisme dalam kalangan wanita akan terus berhadapan dengan cabaran yang besar.

Jurang pengetahuan yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah kebanyakan penyelidikan terdahulu lebih memfokuskan kepada bekas banduan secara umum, residivisme atau kebolehpasaran bekas banduan tanpa memberi perhatian khusus kepada pengalaman gelandangan bekas banduan wanita dalam mendapatkan pekerjaan. Kajian sedia ada juga lebih banyak menggunakan pendekatan kuantitatif yang menilai faktor-faktor pekerjaan, namun

kurang meneroka pengalaman hidup, cabaran dan pandangan mereka daripada perspektif informan sendiri. Oleh itu, masih terdapat kekurangan pemahaman yang mendalam tentang bagaimana stigma, gelandangan, kemiskinan dan halangan struktur saling mempengaruhi peluang pekerjaan serta proses reintegrasi sosial dalam kalangan gelandangan bekas banduan wanita.

Sehubungan itu, kajian ini mengisi jurang pengetahuan tersebut dengan meneroka secara kualitatif pengalaman gelandangan bekas banduan wanita di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. Kajian ini memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai cabaran sebenar yang dihadapi oleh kumpulan ini, khususnya berkaitan stigma, diskriminasi pekerjaan, ketidakstabilan perumahan, kekurangan sokongan sosial dan faktor-faktor lain yang menghalang mereka daripada memperoleh pekerjaan serta membina semula kehidupan selepas dibebaskan dari penjara. Dapatan kajian ini seterusnya menyumbang kepada pembangunan dasar dan intervensi yang lebih bersifat inklusif bagi meningkatkan peluang pekerjaan dan memperkukuh proses reintegrasi sosial dalam kalangan bekas banduan wanita.

Kajian Literatur

Kehidupan Gelandangan Bekas Banduan Wanita Di Jalanan

Kehidupan gelandangan bekas banduan wanita di jalanan merupakan satu pengalaman sosial yang kompleks kerana ia melibatkan gabungan antara kemiskinan, stigma jenayah, ketidakstabilan tempat tinggal, trauma dan peminggiran sosial. Sorotan literatur menunjukkan bahawa kehidupan selepas pembebasan daripada penjara tidak semestinya membawa kepada permulaan baharu yang lebih stabil. Sebaliknya, bagi wanita yang tidak mempunyai sokongan keluarga, sumber kewangan dan tempat tinggal yang selamat, pembebasan daripada penjara sering membawa mereka terus ke jalanan, pusat perlindungan sementara atau ruang awam yang tidak menjamin keselamatan dan kesejahteraan hidup.

Kajian tentang bekas banduan yang mengalami gelandangan menggambarkan kehidupan harian mereka sebagai satu bentuk perjuangan untuk terus hidup. Mereka perlu berhadapan dengan tekanan berterusan bagi mendapatkan makanan, tempat tidur, pakaian, kebersihan diri dan perlindungan daripada ancaman di persekitaran jalanan. Kehidupan di jalanan sering dikaitkan dengan perasaan malu, takut, tidak dipedulikan dan kebimbangan terhadap ahli keluarga atau orang tersayang yang ditinggalkan (Lenart-Kłoś, 2025). Dalam keadaan ini, jalanan bukan sahaja menjadi ruang fizikal untuk berteduh, tetapi juga menjadi ruang sosial yang memperlihatkan kegagalan sistem sokongan dalam membantu bekas banduan membina semula kehidupan selepas pembebasan.

Literatur turut menunjukkan bahawa gelandangan bekas banduan sering tinggal di pelbagai bentuk tempat yang tidak stabil seperti kaki lima, taman awam, bangunan terbiar, rumah setinggan, tempat perlindungan sementara atau menumpang di rumah kenalan secara tidak tetap (Herbert et al., 2015; Lenart-Kłoś, 2025). Keadaan tempat tinggal yang tidak menentu ini menyukarkan mereka untuk merancang kehidupan, mencari pekerjaan, mendapatkan rawatan kesihatan dan menjaga keselamatan diri. Bagi wanita, ketidakstabilan tempat tinggal meningkatkan risiko terhadap gangguan seksual, eksploitasi, keganasan fizikal dan hubungan yang tidak selamat. Oleh itu, pengalaman gelandangan dalam kalangan bekas banduan wanita perlu difahami bukan sekadar sebagai ketiadaan rumah, tetapi sebagai keadaan hidup yang penuh dengan risiko, ketakutan dan ketidakpastian.

Dalam beberapa kajian, kehidupan di jalanan juga digambarkan sebagai pengalaman yang mempunyai makna yang bercanggah. Sesetengah bekas banduan melihat kehidupan di jalanan sebagai satu bentuk kebebasan selepas melalui kehidupan penjara yang dikawal secara ketat. Namun, kebebasan ini bersifat rapuh kerana ia wujud bersama kemiskinan, ketidakselamatan dan kawalan berterusan daripada pihak berkuasa, sistem kebajikan dan persekitaran sosial (Ager et al., 2025; Remster, 2021). Konsep ini sering disebut sebagai “kebebasan yang tidak stabil”, iaitu keadaan apabila individu bebas daripada kurungan fizikal penjara tetapi masih terperangkap dalam struktur sosial yang mengehadkan pilihan hidup mereka. Bagi gelandangan bekas banduan wanita, kebebasan selepas pembebasan sering tidak membawa kepada autonomi sebenar kerana kehidupan mereka masih dikawal oleh kemiskinan, stigma, ketakutan dan kekurangan akses kepada bantuan sosial.

Pada masa yang sama, terdapat bekas banduan yang berusaha untuk menjalani kehidupan seperti orang lain, menerima realiti yang dihadapi dan mencari makna dalam kesukaran hidup di jalanan (Jasni, 2023). Mereka membina ketahanan diri, menyesuaikan diri dengan persekitaran yang mencabar dan mengatur strategi untuk memenuhi keperluan harian. Namun demikian, keupayaan untuk bertahan tidak seharusnya dilihat sebagai tanda bahawa kehidupan jalanan boleh diterima atau dianggap normal. Sebaliknya, ia menunjukkan bagaimana golongan ini terpaksa membangunkan strategi kelangsungan hidup dalam keadaan yang sangat terbatas akibat kegagalan struktur sosial untuk menyediakan perumahan, pekerjaan dan sokongan pemulihan yang mencukupi (Jasni et al., 2024).

Stigma terhadap bekas banduan turut menjadi faktor utama yang mengekalkan mereka dalam keadaan gelandangan. Literatur menunjukkan bahawa bekas banduan sering dilihat sebagai penyewa yang berisiko, tidak boleh dipercayai atau berpotensi menimbulkan masalah kepada komuniti. Persepsi ini menyebabkan mereka sering ditolak daripada pasaran perumahan swasta dan awam, sekali gus memaksa mereka terus bergantung kepada pusat perlindungan sementara, rumah tumpangan, bantuan rakan atau kehidupan di jalanan (Jasni et al., 2024; West, 2000). Bagi wanita, stigma ini menjadi lebih berat apabila digabungkan dengan stereotaip gender yang menilai mereka sebagai gagal memenuhi peranan sosial sebagai ibu, isteri atau wanita yang “baik”. Akibatnya, mereka bukan sahaja dihukum kerana rekod jenayah, tetapi turut dipersalahkan kerana keadaan gelandangan yang mereka alami.

Hubungan antara gelandangan dan pemenjaraan juga sering digambarkan sebagai satu kitaran yang saling mengukuhkan (Martin, 2018; Western, 2018). Kajian menunjukkan bahawa pengalaman gelandangan sebelum dipenjarakan, masalah kesihatan mental dan penyalahgunaan dadah meningkatkan risiko seseorang menjadi gelandangan selepas dibebaskan. Pada masa yang sama, kehidupan gelandangan selepas pembebasan turut meningkatkan risiko ditangkap semula, didakwa dan dipenjarakan kembali (Andersen, 2023; Augustine & Kushel, 2022; Geller & Curtis, 2011). Keadaan ini menunjukkan bahawa gelandangan bukan sahaja merupakan akibat daripada pemenjaraan, tetapi juga boleh menjadi faktor yang membawa kepada pengulangan jenayah dan pemenjaraan semula. (Jasni et al., 2024; Keene et al., 2018).

Ramai gelandangan bekas banduan akhirnya terperangkap dalam kitaran berulang antara penjara, pusat perlindungan, program transisi dan kehidupan di jalanan selama bertahun-tahun (Ager et al., 2025; Andersen, 2023; Umamaheswar, 2022). Kitaran ini memperlihatkan kelemahan sistem reintegrasi sosial yang tidak mampu menyediakan sokongan berterusan selepas pembebasan. Tanpa perumahan yang stabil, pekerjaan yang sesuai, rawatan kesihatan

mental dan sokongan komuniti, bekas banduan wanita mudah kembali kepada keadaan hidup yang tidak selamat dan berisiko.

Peluang Pekerjaan Gelandangan Bekas Banduan

Sorotan literatur menunjukkan bahawa peluang pekerjaan merupakan salah satu faktor paling penting dalam membantu gelandangan bekas banduan wanita membina semula kehidupan selepas dibebaskan daripada penjara. Pekerjaan bukan sahaja berfungsi sebagai sumber pendapatan untuk memenuhi keperluan asas, malah menjadi medium penting untuk meningkatkan harga diri, membina identiti positif, mengukuhkan integrasi sosial dan mengurangkan risiko pengulangan jenayah. Namun demikian, kajian-kajian terdahulu mendapati bahawa gelandangan bekas banduan wanita sering berhadapan dengan pelbagai halangan yang kompleks dan saling berkait, termasuk kemiskinan, trauma, masalah kesihatan, stigma sosial dan ketidakstabilan perumahan yang menjejaskan peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang stabil dan bermaruah.

Salah satu cabaran utama yang dikenal pasti dalam literatur ialah kewujudan stigma terhadap bekas banduan wanita. Banyak kajian melaporkan bahawa wanita yang mempunyai rekod jenayah sering mengalami diskriminasi apabila memohon pekerjaan dan perumahan (Tyler & Brockmann, 2017). Pendedahan mengenai sabitan jenayah lampau menyebabkan mereka dianggap tidak boleh dipercayai, berisiko dan tidak sesuai untuk diambil bekerja. Keadaan ini menyebabkan ramai bekas banduan wanita merasakan bahawa hukuman yang diterima tidak berakhir selepas mereka dibebaskan dari penjara. Sebaliknya, rekod jenayah terus menghantui kehidupan mereka dan menjadi penghalang utama kepada peluang pekerjaan serta integrasi sosial (Edwards et al., 2022; Salem et al., 2021). Sesetengah informan kajian menggambarkan pengalaman tersebut sebagai satu bentuk “hukuman seumur hidup” kerana mereka terus dihukum oleh masyarakat walaupun telah selesai menjalani hukuman penjara.

Selain stigma berkaitan rekod jenayah, ketidakstabilan perumahan turut menjadi faktor yang menghalang penyertaan mereka dalam pasaran pekerjaan. Kajian menunjukkan bahawa ketiadaan tempat tinggal yang selamat dan tetap menyebabkan bekas banduan wanita sukar untuk memberi tumpuan kepada pencarian pekerjaan. Mereka sering berdepan kesukaran untuk menyediakan alamat tetap, menyimpan dokumen penting, menjaga kebersihan diri dan menghadiri temu duga pekerjaan secara konsisten. Malah, keadaan gelandangan juga meningkatkan risiko mereka kembali terlibat dalam aktiviti jenayah, hubungan yang eksploitatif atau persekitaran yang tidak selamat demi memastikan kelangsungan hidup (Edwards et al., 2022; Korzh, 2022; Wilson et al., 2024). Justeru, kestabilan perumahan dilihat sebagai prasyarat penting untuk membolehkan mereka mendapatkan dan mengekalkan pekerjaan dalam jangka masa panjang.

Dari aspek kesihatan, literatur menunjukkan bahawa ramai gelandangan bekas banduan wanita mempunyai sejarah trauma yang berpanjangan serta pengalaman menjadi mangsa pelbagai bentuk keganasan sepanjang hayat mereka (King, 2017; Mohammad et al., 2023; Nguyen et al., 2025). Pengalaman penderaan fizikal, seksual dan emosi yang berulang sering membawa kepada masalah kesihatan mental seperti gangguan tekanan pascatrauma (PTSD), kemurungan, kebimbangan melampau dan penyalahgunaan bahan. Keadaan ini menjejaskan fungsi harian, motivasi, keyakinan diri dan keupayaan mereka untuk mencari serta mengekalkan pekerjaan (Brehmer et al., 2024; Van Den Broek et al., 2021). Dalam banyak kes, masalah kesihatan mental yang tidak dirawat menyebabkan mereka menghadapi kesukaran untuk mematuhi

jadual kerja, berinteraksi dengan majikan dan rakan sekerja serta memenuhi tuntutan pekerjaan secara konsisten.

Kajian-kajian terdahulu juga mengenal pasti beberapa halangan praktikal yang mengurangkan kebolehpasaran gelandangan bekas banduan wanita. Antaranya termasuklah kekurangan kemudahan pengangkutan, tanggungjawab menjaga anak, masalah kesihatan fizikal, ketidakupayaan, tahap pendidikan yang rendah serta kekurangan kemahiran digital yang semakin diperlukan dalam pasaran pekerjaan moden (Korzh, 2022; Tripodi et al., 2023). Halangan-halangan ini sering menyebabkan mereka terpinggir daripada peluang pekerjaan formal walaupun mempunyai keinginan untuk bekerja. Dalam era digital, kekurangan kemahiran menggunakan teknologi dan akses kepada internet turut mengehadkan kemampuan mereka untuk mencari maklumat pekerjaan, menyediakan resume dan mengemukakan permohonan kerja secara dalam talian.

Selain halangan individu, faktor struktur turut memainkan peranan penting dalam mengehadkan peluang pekerjaan golongan ini. Kajian menunjukkan bahawa diskriminasi daripada majikan, pemilik rumah sewa dan institusi sosial sering menghalang akses mereka kepada pekerjaan, pendidikan, rawatan kesihatan dan program pemulihan. Keadaan ini menjadi lebih ketara bagi wanita yang mempunyai sejarah penyalahgunaan dadah atau berasal daripada kumpulan minoriti yang telah lama mengalami peminggiran sosial (Edwards et al., 2022; Grace, 2021). Kesan diskriminasi berlapis ini menyebabkan ramai wanita terus terperangkap dalam kemiskinan, pengangguran dan kehidupan gelandangan walaupun berusaha untuk mengubah kehidupan mereka (Western & Sirois, 2019; Wilson et al., 2024).

Di samping stigma luaran, literatur turut menekankan kewujudan stigma dalaman atau self-stigma dalam kalangan bekas banduan wanita. Pengalaman ditolak berulang kali oleh masyarakat dan majikan menyebabkan sebahagian daripada mereka mula mempercayai stereotaip negatif yang dilemparkan terhadap diri mereka. Perasaan malu, rendah diri dan hilang keyakinan menyebabkan mereka kurang berani memohon pekerjaan, menyertai program bantuan atau berinteraksi dengan masyarakat (Larroulet et al., 2023; Tyler & Brockmann, 2017). Situasi ini bukan sahaja menjejaskan kesihatan mental mereka, malah mengurangkan peluang untuk membina rangkaian sosial dan sokongan komuniti yang penting dalam proses reintegrasi.

Kajian ini menyumbang pengetahuan baharu dengan memberikan gambaran yang lebih mendalam tentang pengalaman mendapatkan pekerjaan dalam kalangan gelandangan bekas banduan wanita daripada perspektif mereka sendiri. Melalui temu bual mendalam, kajian ini menunjukkan bahawa kesukaran memperoleh pekerjaan bukan sekadar berpunca daripada rekod jenayah, tetapi turut dipengaruhi oleh pengalaman hidup sebagai gelandangan, tahap pendidikan yang rendah, trauma, masalah kesihatan, ketagihan dadah dan kekurangan sokongan sosial. Dapatan ini membolehkan penyelidik memahami bagaimana pelbagai faktor tersebut saling berinteraksi dan membentuk pengalaman sebenar informan dalam proses mendapatkan pekerjaan.

Selain itu, kajian ini memperkayakan literatur dengan mengetengahkan suara dan pengalaman hidup gelandangan bekas banduan wanita, iaitu kumpulan yang kurang diberi perhatian dalam penyelidikan di Malaysia. Daripada perspektif informan, peluang pekerjaan bukan sahaja dilihat sebagai sumber pendapatan, malah sebagai asas untuk membina semula kehidupan, memulihkan maruah diri, mengurangkan risiko gelandangan dan menyokong proses reintegrasi

sosial. Pengetahuan ini memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh kepada pembuat dasar dan pengamal kerja sosial bahawa intervensi pekerjaan perlu dilaksanakan secara holistik dengan mengambil kira isu stigma, perumahan, kesihatan, latihan kemahiran dan sokongan psikososial, bukan hanya tertumpu kepada penyediaan peluang pekerjaan semata-mata.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif bagi meneroka secara mendalam cabaran dan peluang pekerjaan yang dihadapi oleh gelandangan bekas banduan wanita selepas dibebaskan daripada penjara. Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia membolehkan pengkaji memahami realiti sosial, pengalaman subjektif dan makna yang diberikan oleh informan terhadap kehidupan mereka sendiri dalam konteks gelandangan, kemiskinan, diskriminasi gender dan proses reintegrasi sosial. Kaedah ini juga sesuai untuk mengkaji kumpulan yang terpinggir dan sukar diakses kerana ia memberi ruang kepada informan untuk menceritakan pengalaman mereka secara terperinci berdasarkan perspektif mereka sendiri. Metodologi kajian merupakan bahagian yang menerangkan kaedah yang digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data bagi mencapai objektif kajian. Dalam kajian ini, pendekatan kualitatif dipilih kerana ia membolehkan pengkaji memahami pengalaman, persepsi dan cabaran sebenar yang dialami oleh bekas banduan wanita selepas dibebaskan daripada penjara. Pendekatan ini sesuai digunakan kerana kajian berkaitan bekas banduan melibatkan pengalaman hidup, emosi dan faktor sosial yang sukar diukur secara kuantitatif. Tambahan lagi, kajian ini memberi tumpuan kepada isu peluang pekerjaan dan cabaran yang dihadapi oleh gelandangan bekas banduan wanita dalam proses integrasi semula ke dalam masyarakat.

Kajian ini berlandaskan paradigma interpretivisme yang menekankan pemahaman terhadap pengalaman manusia melalui tafsiran makna yang dibentuk oleh individu dalam konteks sosial tertentu. Paradigma ini sesuai digunakan kerana pengalaman gelandangan bekas banduan wanita tidak dapat difahami hanya melalui data statistik atau pengukuran kuantitatif, sebaliknya memerlukan penerokaan yang mendalam terhadap latar belakang kehidupan, pengalaman pemenjaraan, proses pembebasan dan cabaran mendapatkan pekerjaan. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif berbentuk kajian kes. Kajian kes dipilih kerana ia membolehkan pengkaji meneliti sesuatu fenomena secara mendalam dalam konteks sebenar kehidupan informan. Pendekatan kualitatif memberi peluang kepada informan untuk berkongsi pengalaman mereka secara bebas berkaitan cabaran mendapatkan pekerjaan, hubungan keluarga dan masalah ekonomi. Maklumat yang diperoleh melalui temu bual membantu pengkaji memahami realiti sebenar yang dihadapi oleh gelandangan bekas banduan wanita.

Lokasi

Kajian ini dilaksanakan di kawasan Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur, iaitu sebuah kawasan bandar yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi serta dicirikan oleh kepelbagaian latar belakang sosioekonomi dan etnik. Kawasan ini sering dikaitkan dengan pelbagai isu sosial seperti kemiskinan bandar, pengangguran, gelandangan, penyalahgunaan dadah, dan kewujudan kumpulan rentan termasuk bekas banduan, pekerja sektor tidak formal serta individu yang tidak mempunyai tempat tinggal tetap. Jalan Chow Kit turut menjadi antara lokasi utama yang menjadi tumpuan individu yang baru dibebaskan dari penjara untuk

mendapatkan peluang pekerjaan sementara, tempat perlindungan, serta akses kepada pelbagai bentuk bantuan kebajikan.

Selain itu, kawasan ini menempatkan beberapa organisasi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), termasuk Pertubuhan Ar-Riqab Kuala Lumpur, yang giat menyediakan pelbagai bentuk sokongan kepada golongan rentan, khususnya bekas banduan. Perkhidmatan yang disediakan merangkumi kaunseling, latihan kemahiran, bantuan kebajikan, serta program pemulihan dan reintegrasi sosial bagi membantu mereka kembali berfungsi dalam masyarakat.

Kewujudan rangkaian sokongan sosial dan perkhidmatan komuniti tersebut memudahkan penyelidik memperoleh akses kepada informan yang memenuhi kriteria kajian serta melaksanakan proses temu bual dalam persekitaran yang selamat, sistematik dan kondusif. Oleh yang demikian, Jalan Chow Kit dipilih sebagai lokasi kajian kerana kesesuaiannya dalam menyediakan akses kepada kumpulan sasaran serta membolehkan pengumpulan data yang relevan dengan objektif penyelidikan.

Populasi

Gelandangan bekas banduan wanita merupakan salah satu kumpulan yang paling terpinggir dalam masyarakat kerana mereka berhadapan dengan pelbagai bentuk kerentanan sosial yang berlaku secara serentak. Golongan ini bukan sahaja mengalami masalah kehilangan tempat tinggal, malah turut menanggung kesan daripada pengalaman pemenjaraan, kemiskinan, diskriminasi gender, stigma sosial dan kesukaran untuk mengintegrasikan semula diri ke dalam masyarakat. Berbanding lelaki, bekas banduan wanita sering berdepan cabaran yang lebih kompleks kerana mereka turut memikul tanggungjawab sebagai ibu, penjaga keluarga dan individu yang terdedah kepada pelbagai bentuk keganasan serta eksploitasi sepanjang hayat mereka.

Dalam kebanyakan negara, bilangan wanita dalam sistem keadilan jenayah adalah lebih kecil berbanding lelaki. Namun begitu, kadar peningkatan pemenjaraan wanita menunjukkan trend yang membimbangkan sejak beberapa dekad kebelakangan ini. Selepas dibebaskan dari penjara, sebahagian daripada mereka menghadapi risiko tinggi untuk menjadi gelandangan akibat ketiadaan sokongan keluarga, kekurangan sumber kewangan, kesukaran mendapatkan pekerjaan dan penolakan masyarakat terhadap status mereka sebagai bekas banduan. Situasi ini menyebabkan mereka terpaksa hidup di jalanan, berpindah-randah antara pusat perlindungan sementara atau bergantung kepada rangkaian sosial yang tidak stabil untuk meneruskan kehidupan.

Literatur menunjukkan bahawa majoriti gelandangan bekas banduan wanita datang daripada latar belakang sosioekonomi yang kurang bernasib baik. Ramai dalam kalangan mereka mempunyai tahap pendidikan yang rendah, pengalaman pekerjaan yang terhad dan sejarah kemiskinan yang berpanjangan sebelum memasuki penjara. Selain itu, sebahagian besar pernah mengalami penderaan fizikal, seksual atau emosi sejak usia kanak-kanak, yang seterusnya menyumbang kepada masalah kesihatan mental, penyalahgunaan dadah dan penglibatan dalam aktiviti jenayah. Pengalaman traumatik yang berulang menjadikan proses pemulihan dan reintegrasi sosial lebih mencabar berbanding populasi bekas banduan yang lain.

Salah satu ciri utama populasi ini ialah kewujudan pelbagai bentuk kerentanan yang bertindih (multiple vulnerabilities). Sebagai wanita, mereka berhadapan dengan ketidakseimbangan gender dan diskriminasi dalam pasaran pekerjaan. Sebagai bekas banduan, mereka berdepan stigma jenayah yang menjejaskan peluang untuk mendapatkan pekerjaan, perumahan dan penerimaan sosial. Sebagai gelandangan pula, mereka sering mengalami kekurangan akses kepada keperluan asas seperti tempat tinggal yang selamat, makanan, penjagaan kesihatan dan perlindungan daripada keganasan. Pertindihan identiti dan pengalaman ini menjadikan mereka lebih terdedah kepada kemiskinan tegar, eksploitasi ekonomi, penderaan seksual dan pengasingan sosial.

Di samping itu, gelandangan bekas banduan wanita sering menghadapi cabaran dalam mengekalkan hubungan kekeluargaan dan tanggungjawab keibuan. Ramai yang kehilangan hak penjagaan anak atau terpisah daripada ahli keluarga akibat pemenjaraan, penyalahgunaan dadah dan kehidupan gelandangan. Keadaan ini bukan sahaja memberi kesan kepada kesejahteraan emosi mereka, malah turut mempengaruhi motivasi dan keupayaan untuk membina kehidupan yang lebih stabil selepas dibebaskan. Dalam banyak kes, ketiadaan sokongan keluarga menyebabkan mereka mempunyai pilihan yang terhad untuk mendapatkan tempat tinggal, pekerjaan dan bantuan sosial.

Sampel Dan Teknik Persampelan

Pemilihan informan kajian dilakukan menggunakan teknik persampelan bertujuan (purposive sampling), iaitu memilih individu yang mempunyai pengalaman langsung sebagai gelandangan dan bekas banduan wanita. Kaedah ini membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat yang kaya dan relevan dengan objektif kajian. Bilangan informan ditentukan berdasarkan prinsip ketepuan data (data saturation), iaitu apabila temu bual yang dijalankan tidak lagi menghasilkan tema atau maklumat baharu yang signifikan.

Kajian ini melibatkan gelandangan bekas banduan wanita sebagai populasi kajian. Seramai tiga orang bekas banduan telah dipilih sebagai informan melalui kaedah persampelan purposif berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Antara kriteria pemilihan ialah mempunyai sejarah jenayah berulang, tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap atau stabil, tidak didiagnosis dengan sebarang gangguan psikologi oleh mana-mana institusi kesihatan, serta merupakan warganegara Malaysia.

Walaupun kajian ini hanya melibatkan tiga orang informan, bilangan tersebut didapati telah mencapai ketepuan data (data saturation). Ketepuan data berlaku apabila temu bual yang dijalankan tidak lagi menghasilkan tema, kod atau maklumat baharu yang signifikan. Selepas temu bual dengan informan ketiga, dapatan yang diperoleh menunjukkan pengulangan pengalaman dan isu yang sama, khususnya berkaitan stigma terhadap bekas banduan, kesukaran mendapatkan pekerjaan, ketidakstabilan ekonomi dan cabaran kehidupan sebagai gelandangan. Oleh itu, pengumpulan data dihentikan kerana objektif kajian telah berjaya dicapai dan maklumat yang diperoleh dianggap mencukupi untuk menjelaskan fenomena yang dikaji.

Selain itu, proses mendapatkan informan merupakan satu cabaran utama dalam kajian ini. Gelandangan bekas banduan wanita merupakan populasi yang sukar diakses (hard-to-reach population) kerana bilangan mereka adalah terhad, sering berpindah-randah, tidak mempunyai tempat tinggal tetap, serta sebahagian besar enggan menyertai kajian akibat kebimbangan

terhadap stigma, isu kerahsiaan dan kurangnya kepercayaan terhadap penyelidik. Tambahan pula, kajian ini menetapkan beberapa kriteria pemilihan yang khusus, iaitu informan mestilah wanita, bekas banduan, sedang mengalami gelandangan, merupakan warganegara Malaysia serta tidak mempunyai gangguan psikologi yang serius. Kriteria ini mengehadkan lagi bilangan individu yang layak menyertai kajian. Oleh yang demikian, penggunaan tiga orang informan adalah bersesuaian dengan pendekatan kajian kualitatif yang menekankan kedalaman data berbanding bilangan sampel, selagi ketepuan data telah dicapai.

Teknik Pengumpulan Data

Data kajian dikumpulkan melalui temu bual mendalam secara separa berstruktur dengan gelandangan bekas banduan wanita yang memenuhi kriteria pemilihan kajian. Kaedah temu bual dipilih kerana ia membolehkan pengkaji memperoleh maklumat yang terperinci mengenai pengalaman, persepsi, emosi dan cabaran yang dialami oleh informan. Selain itu, temu bual separa berstruktur memberi fleksibiliti kepada pengkaji untuk meneroka isu-isu baharu yang timbul sepanjang sesi temu bual tanpa terikat sepenuhnya kepada soalan yang telah ditetapkan.

Etika Kajian

Bagi menjaga etika penyelidikan dan melindungi identiti informan, pengkaji menggunakan nama samaran bagi semua informan yang terlibat dalam kajian ini. Kajian ini dilaksanakan dengan mematuhi prinsip-prinsip etika penyelidikan bagi memastikan hak, keselamatan dan privasi informan sentiasa terpelihara. Sebelum sesi temu bual dijalankan, pengkaji telah menerangkan tujuan kajian serta penggunaan maklumat yang dikumpulkan kepada informan. Penyerahan informan adalah secara sukarela dan mereka diberikan kebebasan untuk menolak atau menghentikan temu bual pada bila-bila masa tanpa sebarang implikasi. Bagi menjaga kerahsiaan identiti, maklumat peribadi informan tidak didedahkan kepada pihak lain dan hanya digunakan untuk tujuan akademik. Semua data yang diperoleh disimpan dengan selamat dan hanya digunakan dalam proses analisis kajian ini. Pendekatan ini penting bagi memastikan informan berasa selesa untuk berkongsi pengalaman mereka secara terbuka serta meningkatkan kredibiliti dan integriti kajian yang dijalankan.

Teknik Analisis Data

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Proses analisis melibatkan beberapa peringkat, termasuk transkripsi temu bual, pembacaan berulang data, proses pengkodan, pembentukan kategori dan pengenalpastian tema-tema utama yang berkaitan dengan peluang pekerjaan, diskriminasi, kemahiran kerja dan proses reintegrasi sosial. Pendekatan ini membolehkan pengkaji mengenal pasti corak pengalaman yang dikongsi oleh informan serta memahami faktor-faktor yang mempengaruhi peluang pekerjaan dalam kalangan gelandangan bekas banduan wanita. Kajian ini menggunakan analisis tematik oleh Braun dan Clarke. Analisis Tematik Braun dan Clarke (2006) ialah kaedah untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan tema yang muncul daripada data kualitatif seperti temu bual atau perbincangan kumpulan. Kaedah ini membantu penyelidik memahami pengalaman dan pandangan informan secara sistematik. Enam langkah utama:

1. Membiasakan diri dengan data – Membaca transkrip berulang kali untuk memahami kandungan.
2. Menjana kod awal – Memberikan label kepada maklumat penting dalam data.

3. Mencari tema – Mengumpulkan kod yang berkaitan kepada beberapa tema.
4. Menyemak tema – Memastikan tema sesuai dan disokong oleh data.
5. Menamakan dan mentakrif tema – Memberikan nama dan penerangan yang jelas bagi setiap tema.
6. Menulis laporan – Menghuraikan tema dengan disokong oleh petikan informan sebagai bukti.

Kesimpulannya, analisis tematik Braun dan Clarke (2006) merupakan kaedah yang sistematik, fleksibel dan mudah digunakan untuk mengenal pasti corak atau tema utama dalam data kualitatif, sekali gus menghasilkan dapatan kajian yang jelas dan bermakna.

Kesahan Dan Kebolehpercayaan

Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian, beberapa strategi digunakan seperti semakan peserta (member checking), penglibatan yang berpanjangan di lapangan, penyimpanan rekod audit (audit trail) dan triangulasi sumber data. Selain itu, aspek etika penyelidikan turut diberi perhatian dengan mendapatkan persetujuan termaklum daripada informan, menjaga kerahsiaan identiti mereka serta memastikan penyertaan dalam kajian adalah secara sukarela tanpa sebarang paksaan.

Dapatan Kajian

Demografi

Berdasarkan jadual 1, kajian ini melibatkan tiga orang gelandangan bekas banduan wanita yang kini berada dalam keadaan gelandangan atau berisiko mengalami masalah ketidakstabilan kehidupan. Ketiga-tiga informan berumur antara 50 hingga 53 tahun, menunjukkan bahawa mereka berada dalam kategori pertengahan umur. Faktor umur ini boleh mempengaruhi keupayaan mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang stabil kerana majikan sering mengutamakan pekerja yang lebih muda dan produktif. Dari aspek pendidikan, majoriti informan mempunyai tahap pendidikan yang rendah iaitu UPSR dan PMR, manakala hanya seorang informan mempunyai kelulusan SPM. Tahap pendidikan yang rendah ini menghadkan peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang menawarkan pendapatan yang lebih baik dan stabil.

Berdasarkan status perkahwinan, kesemua informan merupakan wanita yang telah bercerai. Aishah mempunyai enam orang anak, Salmah mempunyai lima orang anak dan Intan mempunyai dua orang anak. Perceraian serta tanggungjawab terhadap anak-anak boleh menjadi faktor yang menyumbang kepada tekanan hidup dan kesukaran ekonomi yang dialami oleh informan. Dari segi rekod pemenjaraan, semua informan mempunyai sejarah pemenjaraan yang berulang. Aishah mencatatkan rekod tertinggi dengan anggaran 20 kali pemenjaraan, diikuti Intan sebanyak 10 kali dan Salmah sebanyak 8 kali. Keadaan ini menunjukkan berlakunya kitaran jenayah berulang (recidivisme) yang menyukarkan mereka untuk membina kehidupan yang stabil selepas dibebaskan.

Jadual 1 : Demografi informan gelandangan bekas banduan Wanita

Nama samaran	Umur	Negeri Kelahiran	Pendidikan	Status Perkahwinan	Rekod Pemenjaran	Jenis Kesalahan	Pekerjaan Lampau	Pekerjaan Semasa	Jenis Ketagihan dadah	Hubungan Keluarga	Penyakit
Aishah	52	pahang	upsr	Bercerai (6 orang)	Anggaran 20 kali	Sek 15(1) adb	Kontraktor, cafe,pengawal keselamatan	penganggur	Dadah jenis methamphetamine	Diterima oleh keluarga	asma
Intan	50	Kuala Lumpur	PMR	Bercerai (2 orang)	10 Kali	Sek 39C	Tukang Jahit	Pekerja sambilan Hotel	Dadah Jenis Heroin	Tidak diterima keluarga	Asma
salmah	53	Kuala Lumpur	SPM	Bercerai (5 Orang)	8 Kali	Dadah Sek 12(2) ADB 1963, 15(1) ADB 1963	Berniaga	Pembantu Kedai	methaphetamin	Diterima Keluarga	Semput

Berkaitan jenis kesalahan, ketiga-tiga informan terlibat dengan kesalahan berkaitan dadah di bawah Akta Dadah Berbahaya. Aishah pernah ditahan di bawah Seksyen 15(1) ADB 1952, Intan di bawah Seksyen 39C ADB 1952, manakala Salmah pernah terlibat dengan kesalahan di bawah Seksyen 12(2) ADB 1952 dan Seksyen 15(1) ADB 1952. Dapatan ini menunjukkan bahawa penyalahgunaan dadah merupakan faktor utama yang membawa kepada pemenjaraan informan. Dari aspek pekerjaan, sebelum terlibat dengan masalah pemenjaraan, informan pernah bekerja dalam pelbagai sektor seperti kontraktor, kafe, pengawal keselamatan, tukang jahit dan perniagaan kecil. Namun begitu, keadaan semasa menunjukkan kemerosotan dalam status pekerjaan mereka. Aishah kini menganggur, manakala Intan dan Salmah hanya bekerja dalam pekerjaan berpendapatan rendah sebagai pekerja sambilan hotel dan pembantu kedai. Situasi ini menggambarkan kesukaran bekas banduan untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih stabil selepas dibebaskan.

Dari segi ketagihan dadah, dua informan iaitu Aishah dan Salmah terlibat dengan penyalahgunaan methamphetamine, manakala Intan menggunakan heroin. Ketagihan dadah yang berpanjangan berpotensi menjejaskan kesihatan fizikal, mental serta peluang pekerjaan mereka. Bagi hubungan keluarga, dua informan iaitu Aishah dan Salmah masih diterima oleh keluarga, manakala Intan tidak diterima oleh keluarganya. Sokongan keluarga merupakan faktor penting dalam proses pemulihan dan penyesuaian semula bekas banduan ke dalam masyarakat. Ketiadaan sokongan keluarga boleh meningkatkan risiko gelandangan dan pengulangan jenayah. Dari aspek kesihatan, dua informan dilaporkan menghidap asma. Masalah kesihatan ini boleh memberi kesan kepada kemampuan mereka untuk bekerja dan menjalani kehidupan harian dengan lebih baik.

Secara keseluruhannya, analisis demografi menunjukkan bahawa informan mempunyai beberapa ciri yang hampir sama, iaitu berusia pertengahan umur, mempunyai tahap pendidikan yang rendah, pernah dipenjarakan berulang kali, terlibat dengan penyalahgunaan dadah, mengalami perceraian dan berdepan kesukaran mendapatkan pekerjaan yang stabil. Faktor-faktor ini saling berkait dan berpotensi menyumbang kepada kegagalan mereka memperoleh pekerjaan serta meningkatkan risiko mereka untuk mengalami masalah gelandangan dan kemiskinan.

Tema Dan Sub Tema

Hasil daripada pengekodan yang dibuat, pengkaji telah menemui dua tema utama berkaitan peluang pekerjaan dan cabaran gelandangan bekas banduan sepanjang di jalanan.

Tema 1: Peluang Pekerjaan Terhad

Tema ini merujuk kepada pelbagai halangan yang dihadapi oleh gelandangan bekas banduan wanita dalam usaha mendapatkan pekerjaan yang stabil dan sesuai. Berdasarkan maklumat demografi informan, peluang pekerjaan mereka adalah terhad disebabkan oleh beberapa faktor seperti tahap pendidikan yang rendah, rekod pemenjaraan yang berulang, sejarah penyalahgunaan dadah serta faktor umur. Keadaan ini menyebabkan mereka sukar bersaing dalam pasaran pekerjaan dan hanya berpeluang memperoleh pekerjaan yang tidak tetap serta berpendapatan rendah. Bagi Aishah, beliau hanya mempunyai pendidikan sehingga UPSR dan mempunyai rekod pemenjaraan sebanyak 20 kali. Walaupun pernah bekerja sebagai kontraktor, pekerja kafe dan pengawal keselamatan, beliau kini menganggur. Situasi ini menunjukkan

bahawa pengalaman kerja semata-mata tidak menjamin peluang pekerjaan yang lebih baik apabila seseorang mempunyai rekod jenayah yang panjang.

Begitu juga dengan Intan yang berkelulusan PMR dan mempunyai rekod pemenjaraan sebanyak 10 kali. Walaupun masih bekerja sebagai pekerja sambilan hotel, pekerjaan tersebut tidak menawarkan kestabilan pendapatan dan jaminan pekerjaan jangka panjang. Salmah pula mempunyai pendidikan sehingga SPM dan pernah berniaga sebelum ini, namun kini hanya bekerja sebagai pembantu kedai. Perubahan status pekerjaan ini menunjukkan berlakunya penurunan taraf pekerjaan selepas pengalaman pemenjaraan. Selain itu, faktor usia juga menjadi cabaran dalam mendapatkan pekerjaan. Kesemua informan berumur lebih daripada 50 tahun, iaitu satu peringkat umur yang sering dianggap kurang produktif oleh sesetengah majikan. Gabungan faktor umur, pendidikan yang rendah, rekod jenayah dan sejarah ketagihan dadah telah mengehadkan peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan formal yang lebih stabil. Tema peluang pekerjaan yang terhad ini membawa kepada penemuan sub-tema seperti berikut:

Subtema 1.1: Tahap Pendidikan yang Rendah Menyukarkan Peluang Pekerjaan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pendidikan yang rendah merupakan salah satu faktor yang mengehadkan peluang pekerjaan dalam kalangan gelandangan wanita di Chow Kit. Majoriti informan hanya memiliki kelulusan pendidikan asas iaitu UPSR dan PMR. Kekurangan kelayakan akademik menyebabkan mereka sukar memenuhi syarat minimum yang ditetapkan oleh kebanyakan majikan, terutamanya bagi pekerjaan dalam sektor formal yang menawarkan pendapatan dan jaminan pekerjaan yang lebih baik. Aishah, yang hanya berkelulusan UPSR, menyatakan bahawa tahap pendidikannya telah menjadi penghalang untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik. Beliau berkata:

"Saya belajar setakat UPSR sahaja. Susah nak dapat kerja yang baik." (Aishah)

Kenyataan ini menunjukkan bahawa informan menyedari kekurangan pendidikan telah membataskan peluang kerjayanya. Walaupun mempunyai pengalaman bekerja dalam beberapa bidang sebelum ini, beliau masih menghadapi kesukaran mendapatkan pekerjaan yang stabil kerana tidak mempunyai kelayakan akademik yang mencukupi. Begitu juga dengan Intan yang berkelulusan PMR. Beliau mengakui bahawa ketiadaan sijil pendidikan yang lebih tinggi menyebabkan permohonan pekerjaannya sering ditolak oleh majikan.

"Saya tak ada sijil tinggi, kebanyakan kerja yang saya mohon tak lepas." (Intan)

Petikan ini menggambarkan bahawa kelayakan akademik merupakan salah satu kriteria penting dalam proses pengambilan pekerja. Kekurangan sijil atau kelulusan yang lebih tinggi menyebabkan informan kurang berdaya saing berbanding calon lain yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih baik. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa tahap pendidikan yang rendah telah menyukarkan informan untuk mendapatkan pekerjaan yang stabil dan berpendapatan baik. Keadaan ini menyebabkan mereka lebih cenderung bekerja dalam sektor tidak formal, pekerjaan sambilan atau pekerjaan berkemahiran rendah yang menawarkan pendapatan yang tidak menentu. Justeru, pendidikan dilihat sebagai salah satu faktor penting yang mempengaruhi peluang pekerjaan dan kualiti hidup gelandangan wanita di Chow Kit.

Subtema 1.2: Rekod Pemenjaraan Menjadi Halangan Mendapatkan Pekerjaan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa rekod pemenjaraan merupakan antara halangan utama yang menyukarkan gelandangan bekas banduan wanita mendapatkan pekerjaan. Walaupun informan mempunyai pengalaman kerja dan keinginan untuk mengubah kehidupan, status sebagai bekas banduan sering menyebabkan mereka berdepan dengan stigma sosial dan diskriminasi daripada majikan. Kebanyakan majikan mempunyai persepsi negatif terhadap bekas banduan dan meragui tahap kepercayaan, disiplin serta komitmen mereka terhadap pekerjaan. Aishah menjelaskan bahawa rekod pemenjaraan yang dimilikinya menyebabkan permohonan pekerjaan sering ditolak oleh majikan. Beliau menyatakan:

"Bila majikan tahu saya pernah masuk penjara, mereka terus tolak permohonan saya." (Aishah)

Petikan ini menunjukkan bahawa sejarah pemenjaraan menjadi faktor yang dinilai oleh majikan dalam proses pengambilan pekerja. Walaupun seseorang individu mempunyai kemahiran dan pengalaman kerja yang mencukupi, rekod jenayah yang lampau boleh menyebabkan mereka kehilangan peluang pekerjaan. Situasi ini menunjukkan wujudnya stigma yang kuat terhadap bekas banduan dalam pasaran pekerjaan. Perkara yang sama turut dialami oleh Salmah yang merasakan bahawa masyarakat dan majikan sukar memberikan kepercayaan kepada individu yang pernah menjalani hukuman penjara. Beliau berkata:

"Ramai majikan tak percaya pada bekas banduan macam saya." (Salmah)

Kenyataan ini menggambarkan bahawa bekas banduan sering berhadapan dengan masalah kepercayaan daripada majikan. Kekurangan kepercayaan tersebut menyebabkan mereka sukar diterima bekerja walaupun mempunyai keinginan untuk berubah dan menjalani kehidupan yang lebih baik. Akibatnya, ramai bekas banduan terpaksa menerima pekerjaan yang tidak tetap, berpendapatan rendah atau terus menganggur.

Subtema 1.3: Pekerjaan yang Diperoleh Tidak Stabil dan Berpendapatan Rendah

Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun sebahagian informan berjaya mendapatkan pekerjaan selepas keluar dari penjara, pekerjaan yang diperoleh kebanyakannya bersifat sementara, tidak tetap dan menawarkan pendapatan yang rendah. Keadaan ini menyebabkan mereka berdepan dengan ketidakstabilan kewangan serta kesukaran untuk memenuhi keperluan asas kehidupan. Faktor seperti tahap pendidikan yang rendah, rekod pemenjaraan dan stigma masyarakat telah mengehadkan pilihan pekerjaan yang boleh diceburi oleh informan. Intan menjelaskan bahawa beliau hanya bergantung kepada pekerjaan sambilan yang tidak mempunyai jadual kerja yang tetap. Beliau menyatakan:

"Saya kerja sambilan sahaja, kalau ada orang panggil kerja saya pergi." (Intan)

Petikan ini menunjukkan bahawa peluang pekerjaan yang diperoleh oleh informan bergantung kepada permintaan semasa dan bukan pekerjaan tetap yang menjamin pendapatan bulanan. Keadaan ini menyebabkan sumber pendapatan mereka tidak konsisten dan sukar untuk merancang perbelanjaan harian. Salmah turut mengalami situasi yang sama apabila peluang pekerjaan yang diterimanya tidak menentu. Beliau berkata:

"Kadang-kadang ada kerja, kadang-kadang tak ada langsung." (Salmah)

Kenyataan ini menggambarkan ketidakstabilan pekerjaan yang dialami oleh informan. Apabila tiada pekerjaan, mereka tidak mempunyai sumber pendapatan untuk menampung kos makanan, pengangkutan, tempat tinggal dan keperluan asas yang lain. Situasi ini menjadikan mereka lebih terdedah kepada masalah kemiskinan dan kehidupan gelandangan. Selain itu, pekerjaan yang berjaya diperoleh kebanyakannya berada dalam sektor berkemahiran rendah dan menawarkan gaji yang minimum. Walaupun pekerjaan tersebut membantu mereka meneruskan kehidupan, pendapatan yang diperoleh masih tidak mencukupi untuk meningkatkan taraf hidup atau menyediakan tempat tinggal yang lebih stabil.

Tema 2: Cabaran Ekonomi dan Kewangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa cabaran ekonomi dan kewangan merupakan antara isu utama yang dihadapi oleh gelandangan bekas banduan wanita di Chow Kit. Kesukaran mendapatkan pekerjaan yang stabil, pendapatan yang rendah serta kos sara hidup yang semakin meningkat telah menyebabkan informan berdepan dengan masalah kewangan yang berpanjangan. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan keupayaan mereka untuk memenuhi keperluan asas, malah turut mempengaruhi kualiti hidup dan kesejahteraan mereka secara keseluruhan. Berdasarkan profil informan, majoriti hanya memperoleh pekerjaan sambilan atau pekerjaan berpendapatan rendah, manakala seorang informan masih menganggur. Situasi ini menyebabkan pendapatan yang diterima tidak mencukupi untuk menampung kos makanan, tempat tinggal, pengangkutan, rawatan kesihatan dan keperluan harian yang lain. Ketidakstabilan sumber pendapatan juga menjadikan mereka sukar untuk menyimpan wang atau merancang kehidupan pada masa hadapan.

Selain itu, rekod pemenjaraan dan sejarah penyalahgunaan dadah turut memberi kesan terhadap kemampuan ekonomi informan. Peluang pekerjaan yang terhad menyebabkan mereka bergantung kepada pekerjaan tidak formal yang menawarkan upah rendah dan tidak mempunyai jaminan pekerjaan. Dalam keadaan tertentu, mereka juga terpaksa bergantung kepada bantuan daripada keluarga, rakan-rakan atau organisasi kebajikan untuk meneruskan kehidupan. Cabaran kewangan yang berterusan ini turut memberi kesan kepada tempat tinggal informan. Ketidakmampuan untuk membayar sewa rumah atau bilik menyebabkan sesetengah mereka terpaksa hidup dalam keadaan tidak menentu dan berisiko menjadi gelandangan. Keadaan ini menunjukkan bahawa masalah ekonomi dan kewangan merupakan faktor yang saling berkait dengan isu pekerjaan, kemiskinan dan kesejahteraan hidup. Tema cabaran ekonomi dan kewangan ini telah membawa kepada penemuan sub-tema seperti berikut:

Subtema 2.1: Pendapatan Tidak Mencukupi Untuk Menampung Kehidupan

Pendapatan yang rendah menyebabkan informan sukar memenuhi keperluan asas.

"Duit yang saya dapat cukup makan sahaja." (Intan)

"Kadang-kadang saya terpaksa pinjam duit untuk teruskan hidup." (Salmah)

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendapatan yang rendah dan tidak menentu merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh gelandangan wanita di Chow Kit. Walaupun ada dalam kalangan informan yang bekerja, pendapatan yang diperoleh tidak mencukupi untuk menampung keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal, pengangkutan, penjagaan

kesihatan dan perbelanjaan harian yang lain. Keadaan ini menyebabkan mereka hidup dalam keadaan serba kekurangan dan sentiasa berdepan dengan tekanan kewangan. Intan menjelaskan bahawa pendapatan yang diperolehnya hanya mencukupi untuk memenuhi keperluan makanan harian. Beliau berkata:

"Duit yang saya dapat cukup makan sahaja." (Intan)

Petikan ini menunjukkan bahawa pendapatan informan berada pada tahap yang sangat minimum sehingga hanya mampu menampung keperluan asas untuk kelangsungan hidup. Situasi ini menggambarkan bahawa informan tidak mempunyai lebih pendapatan untuk tujuan simpanan, kecemasan atau meningkatkan taraf hidup mereka. Keadaan tersebut juga menjadikan mereka lebih terdedah kepada risiko kemiskinan apabila berlaku kehilangan pekerjaan atau masalah kesihatan. Salmah pula menyatakan bahawa beliau terpaksa meminjam wang untuk meneruskan kehidupan apabila pendapatan yang diperolehi tidak mencukupi. Beliau berkata:

"Kadang-kadang saya terpaksa pinjam duit untuk teruskan hidup." (Salmah)

Kenyataan ini menunjukkan bahawa informan mengalami ketidakstabilan kewangan yang serius sehingga terpaksa bergantung kepada bantuan atau pinjaman daripada pihak lain. Pergantungan kepada pinjaman untuk memenuhi keperluan harian mencerminkan bahawa sumber pendapatan yang dimiliki tidak mampu menampung kos sara hidup yang diperlukan. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa pendapatan yang rendah bukan sahaja menjejaskan keupayaan informan untuk memenuhi keperluan asas, malah boleh menyebabkan mereka terperangkap dalam kitaran kemiskinan yang berpanjangan. Ketiadaan pendapatan yang mencukupi menyukarkan mereka untuk mendapatkan tempat tinggal yang selesa, menjaga kesihatan dan merancang kehidupan yang lebih baik pada masa hadapan.

Subtema 2.2: Kesukaran Mendapatkan Tempat Tinggal

Kekurangan pendapatan menyebabkan informan tidak mampu menyewa rumah atau bilik.

"Saya tak mampu bayar sewa rumah, sebab itu saya duduk di sekitar Chow Kit." (Aishah)

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesukaran mendapatkan tempat tinggal yang stabil merupakan salah satu cabaran utama dalam kalangan gelandangan wanita di Chow Kit. Kekurangan pendapatan yang berterusan menyebabkan informan tidak mampu untuk menyewa rumah atau bilik secara tetap. Keadaan ini memaksa mereka untuk tinggal di kawasan awam atau bergantung kepada tempat perlindungan sementara yang tidak menjamin keselamatan dan keselesaan jangka panjang. Aishah menjelaskan bahawa faktor kewangan menjadi punca utama beliau tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap. Beliau menyatakan:

"Saya tak mampu bayar sewa rumah, sebab itu saya duduk di sekitar Chow Kit." (Aishah)

Petikan ini menunjukkan bahawa ketidakmampuan untuk menampung kos sewa rumah telah menyebabkan informan terpaksa menjadikan kawasan Chow Kit sebagai tempat tinggal. Situasi ini menggambarkan hubungan yang rapat antara masalah ekonomi dan isu gelandangan, di mana ketiadaan pendapatan yang stabil terus mendorong individu hidup tanpa tempat tinggal tetap. Keadaan ini juga menunjukkan bahawa informan berada dalam keadaan yang sangat

terdedah kepada risiko keselamatan, kesihatan dan sosial. Hidup tanpa tempat tinggal yang stabil menyebabkan mereka lebih mudah terdedah kepada keadaan persekitaran yang tidak selamat, kekurangan kemudahan asas serta kesukaran untuk menjalani kehidupan harian secara teratur.

Berdasarkan dapatan kajian ini, telah membuktikan stigma dan halangan struktur saling berinteraksi sehingga mengekalkan keadaan gelandangan dalam kalangan bekas banduan wanita. Stigma terhadap rekod jenayah menyebabkan mereka sering didiskriminasi oleh majikan, pemilik rumah dan masyarakat, sekali gus menyukarkan mereka mendapatkan pekerjaan, perumahan dan penerimaan sosial. Pada masa yang sama, halangan struktur seperti kekurangan peluang pekerjaan, ketiadaan tempat tinggal tetap, tahap pendidikan yang rendah, masalah kesihatan, trauma serta diskriminasi dalam sistem pekerjaan dan perumahan semakin mengehadkan peluang mereka untuk keluar daripada kemiskinan. Keadaan ini mewujudkan satu kitaran yang berterusan, iaitu stigma menghalang akses kepada pekerjaan dan perumahan, manakala ketiadaan pekerjaan dan tempat tinggal yang stabil pula mengukuhkan lagi stigma terhadap mereka. Akibatnya, bekas banduan wanita terus terperangkap dalam kemiskinan, gelandangan dan berisiko tinggi untuk mengulangi jenayah sekiranya tiada intervensi yang menyeluruh.

Perbincangan Kajian

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa peluang pekerjaan dalam kalangan gelandangan wanita bekas banduan di Chow Kit adalah sangat terhad dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang saling berkait antara satu sama lain. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa dua tema utama iaitu peluang pekerjaan terhad dan cabaran ekonomi serta kewangan membentuk satu kitaran kesukaran hidup yang berpanjangan, sekali gus mengekang usaha informan untuk keluar daripada kehidupan gelandangan.

Pertama sekali, dapatan menunjukkan bahawa faktor seperti tahap pendidikan yang rendah, rekod pemenjaraan yang berulang, stigma masyarakat serta sejarah penyalahgunaan dadah merupakan penghalang utama kepada peluang pekerjaan (Andersen, 2023). Kebanyakan informan hanya mempunyai pendidikan di peringkat rendah iaitu UPSR dan PMR, yang menyebabkan mereka tidak memenuhi syarat minimum pekerjaan dalam sektor formal. Kekurangan kelayakan akademik ini telah mengehadkan kebolehan mereka untuk bersaing dengan calon lain dalam pasaran kerja yang lebih kompetitif. Dapatan ini menyokong kajian oleh Western (2018) yang mendapati bahawa tahap pendidikan yang rendah merupakan antara faktor utama yang menyumbang kepada kesukaran memperoleh pekerjaan dalam kalangan bekas banduan.

Selain itu, rekod pemenjaraan turut memberi kesan yang besar terhadap peluang pekerjaan mereka (Augustine & Kushel, 2022). Walaupun informan mempunyai pengalaman kerja sebelum ini, status sebagai bekas banduan menyebabkan mereka sering ditolak oleh majikan. Hal ini menunjukkan wujudnya stigma sosial yang kuat dalam masyarakat terhadap bekas banduan (Ager et al., 2025). Majikan cenderung meragui tahap kepercayaan dan disiplin mereka, sekali gus menyebabkan mereka sukar diterima dalam pekerjaan formal. Akibatnya, mereka hanya bergantung kepada pekerjaan tidak formal, sambilan atau pekerjaan berpendapatan rendah.

Dapatan kajian juga menunjukkan berlakunya penurunan taraf pekerjaan dalam kalangan informan selepas terlibat dengan pemenjaraan. Walaupun ada antara mereka pernah bekerja dalam sektor yang lebih baik seperti kontraktor, perniagaan dan pekerjaan tetap, selepas keluar dari penjara mereka hanya mampu memperoleh pekerjaan tidak tetap seperti pembantu kedai atau kerja sambilan. Keadaan ini menunjukkan bahawa pengalaman pemenjaraan bukan sahaja menjejaskan peluang pekerjaan, tetapi juga menurunkan status pekerjaan seseorang dalam jangka panjang.

Seterusnya, ketidakstabilan pekerjaan ini telah memberi kesan langsung kepada keadaan ekonomi mereka (Bidola et al., 2024). Pendapatan yang diperoleh tidak mencukupi untuk menampung keperluan asas kehidupan seperti makanan, tempat tinggal dan kos harian. Ada dalam kalangan informan yang menyatakan bahawa pendapatan mereka hanya cukup untuk makan sehari-hari, malah ada yang terpaksa meminjam wang untuk meneruskan kehidupan. Situasi ini menggambarkan bahawa mereka berada dalam keadaan ekonomi yang sangat rapuh dan tidak stabil.

Masalah ekonomi ini juga telah membawa kepada isu yang lebih besar iaitu ketiadaan tempat tinggal tetap (Curib et al., 2023). Kekurangan pendapatan menyebabkan mereka tidak mampu membayar sewa rumah atau bilik, lalu terpaksa tinggal di kawasan awam seperti Chow Kit. Keadaan ini menunjukkan hubungan yang jelas antara masalah pekerjaan, kewangan dan gelandangan, di mana kegagalan memperoleh pendapatan yang stabil akhirnya membawa kepada kehilangan tempat tinggal. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini membuktikan bahawa isu gelandangan dalam kalangan bekas banduan wanita bukanlah disebabkan oleh satu faktor tunggal, tetapi merupakan hasil gabungan pelbagai faktor yang saling mempengaruhi antara satu sama lain. Pendidikan yang rendah, stigma masyarakat, rekod pemenjaraan, ketidakstabilan pekerjaan dan masalah kewangan telah membentuk satu kitaran kemiskinan yang sukar diputuskan. Tanpa sokongan yang menyeluruh daripada aspek pekerjaan, sosial dan pemulihan, golongan ini berisiko untuk terus kekal dalam kitaran gelandangan dan kemiskinan. Dapatan ini bertepatan dengan teori eksklusi sosial yang menjelaskan bahawa individu yang mengalami penolakan dalam pelbagai aspek kehidupan akan menghadapi kesukaran untuk menyertai masyarakat secara produktif dan berisiko mengalami kemiskinan serta marginalisasi berterusan.

Dapatan kajian ini memperluaskan pengetahuan mengenai proses reintegrasi sosial dan halangan pekerjaan dalam kalangan bekas banduan wanita dengan menunjukkan bahawa kesukaran mendapatkan pekerjaan bukan hanya berpunca daripada rekod jenayah, tetapi merupakan hasil interaksi antara stigma sosial dan pelbagai halangan struktur. Kajian ini menunjukkan bahawa diskriminasi oleh majikan, ketidakstabilan tempat tinggal, tahap pendidikan yang rendah, masalah kesihatan, trauma dan kekurangan sokongan sosial saling mempengaruhi sehingga menghalang proses reintegrasi sosial secara berkesan.

Selain itu, kajian ini menyumbang kepada literatur dengan memberi tumpuan khusus kepada pengalaman gelandangan bekas banduan wanita, iaitu kumpulan yang masih kurang dikaji di Malaysia. Dapatan menunjukkan bahawa peluang pekerjaan merupakan komponen penting dalam membantu mereka membina semula kehidupan, mengurangkan risiko gelandangan dan residivisme, serta memperkukuhkan proses reintegrasi sosial. Oleh itu, kajian ini menegaskan bahawa usaha meningkatkan peluang pekerjaan perlu disertai dengan intervensi yang menyeluruh, termasuk pengurangan stigma, penyediaan latihan kemahiran, sokongan ekonomi

dan akses kepada perumahan yang stabil bagi memastikan proses reintegrasi sosial dapat dicapai dengan lebih berkesan.

Kesimpulan

Kajian ini merumuskan bahawa peluang pekerjaan merupakan salah satu elemen paling penting dalam proses reintegrasi sosial dan ekonomi gelandangan bekas banduan wanita. Walau bagaimanapun, usaha untuk mendapatkan pekerjaan yang stabil sering terhalang oleh pelbagai cabaran yang saling berkait, termasuk stigma terhadap rekod jenayah, ketidakstabilan tempat tinggal, pengalaman trauma, masalah kesihatan fizikal dan mental serta diskriminasi yang berterusan daripada masyarakat dan institusi pekerjaan. Keadaan ini mewujudkan satu kitaran kerentanan yang menyebabkan ramai gelandangan bekas banduan wanita terus terperangkap dalam kemiskinan, pengangguran dan kehidupan di jalanan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa rekod jenayah merupakan halangan utama yang menghalang akses mereka kepada peluang pekerjaan formal. Ramai majikan masih mempunyai persepsi negatif terhadap bekas banduan wanita, sekali gus mengurangkan peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan walaupun mempunyai keinginan dan kesediaan untuk bekerja. Selain itu, ketiadaan tempat tinggal yang selamat dan stabil turut menjejaskan keupayaan mereka untuk mencari pekerjaan, menghadiri temuduga dan mengekalkan komitmen kerja dalam jangka masa panjang. Faktor-faktor seperti masalah pengangkutan, tanggungjawab penjagaan anak, kekurangan kemahiran pekerjaan dan kesihatan mental yang tidak stabil turut memburukkan lagi keadaan.

Penghargaan:

Penulis ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Pusat Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur atas kerjasama, sokongan serta kemudahan yang diberikan sepanjang pelaksanaan kajian ini. Kajian ini merupakan sebahagian daripada hasil pembelajaran bagi kursus SSYC 5013: Correction and Criminal Justice System di bawah Program Ijazah Sarjana Sains Koreksional, Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia. Sebagai sebahagian daripada aktiviti kursus, satu program santuni bekas banduan telah dilaksanakan dengan kerjasama Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur. Menerusi program tersebut, para pelajar telah menjalankan temu bual bersama tiga orang gelandangan wanita yang merupakan bekas banduan. Data dan maklumat yang diperoleh daripada sesi temu bual tersebut telah menjadi sumber utama dalam penghasilan artikel ini, yang merupakan salah satu output akademik bagi kursus berkenaan.

Penyataan

Pembiayaan:

Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.

Pernyataan Konflik Kepentingan:

Penulis mengesahkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan manuskrip ini. Semua penulis telah memberikan sumbangan yang signifikan sepanjang pelaksanaan kajian, terlibat dalam penyediaan dan semakan manuskrip, serta telah meneliti dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum diserahkan kepada *International Journal of*

Law, Government and Communication (IJLGC) untuk pertimbangan penerbitan.

Pernyataan Etika: Kajian ini dilaksanakan dengan mematuhi prinsip dan garis panduan etika penyelidikan yang ditetapkan. Persetujuan bermaklumat telah diperoleh daripada setiap responden sebelum proses pengumpulan data dimulakan. Penyertaan dalam kajian ini adalah secara sukarela tanpa sebarang paksaan, dan semua maklumat yang diberikan oleh responden dikendalikan secara sulit bagi menjamin kerahsiaan identiti serta ketanpanamaan mereka. Keseluruhan data yang diperoleh digunakan secara eksklusif untuk tujuan penyelidikan dan akademik.

Pernyataan Sumbangan Penulis: Semua penulis telah memberikan sumbangan yang bermakna dalam penghasilan manuskrip ini. Mohd Alif bin Jasni bertanggungjawab terhadap aspek pengkonsepan kajian, pembangunan metodologi, serta penyeliaan keseluruhan pelaksanaan penyelidikan. Roziana binti Muhamad Sharif dan Parimala Muthu berperanan dalam proses pengumpulan data, analisis data, serta pentafsiran dapatan kajian. Sementara itu, Mohd Saiful bin Osman dan Mohd Zulhusni bin Hasani telah menyumbang kepada penyediaan sorotan literatur, penulisan draf awal manuskrip, serta pelaksanaan semakan kritikal bagi meningkatkan kualiti kandungan. Kesemua penulis telah meneliti, menyemak dan memberikan kelulusan terhadap versi akhir manuskrip sebelum ia diserahkan untuk penerbitan.

Rujukan

- Ager, E., Hewlett, M. M., Augustine, D., Perry, E., Kanzaria, H., Perez, K., Izenberg, J. M., & Raven, M. C. (2025). Homelessness following jail exit among previously housed individuals. *Journal of Urban Health : Bulletin of the New York Academy of Medicine*, 102(5), 977 - 988. <https://doi.org/10.1007/s11524-025-01016-4>
- Agtong, G. A., Bazer, A., Descuatan, K. A., & Ceballo, E. C. (2023). Life after imprisonment: Exploring the repercussions of jail time on ex-convicts. *Asian Research Journal of Arts & Social Sciences*, 21(3), 61-77.
- Andersen, L. H. (2023). Addressing homelessness after prison release. *The Lancet Public Health*, 8(10), e744-e745.
- Augustine, D., & Kushel, M. (2022). Community supervision, housing insecurity, and homelessness. *The ANNALS of the American Academy of Political and Social Science*, 701(1), 152-171.
- Baker, O., Wellington, C., Price, C., Tracey, D., Powell, L., Loffredo, S., Moscariello, S., & Meyer, J. P. (2023). Experience delivering an integrated service model to people with criminal justice system involvement and housing insecurity. *BMC Public Health*, 23(1), 222. <https://doi.org/10.1186/s12889-023-15108-w>
- Bidola, V. R., De Leon, R. D., Ignacio, E., Mori, M. J., Valdez, S. N., & Bernabe, J. (2024). Life after bars: A narrative-case study of ex-convicts. *American Journal of Human Psychology*, 2(1), 22-32. <https://doi.org/10.54536/ajhp.v2i1.2554>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Brehmer, C. E., Qin, S., Young, B. C., & Strauser, D. R. (2024). Self-stigma of incarceration and its impact on health and community integration. *Criminal Behaviour and Mental Health CBMH*, 34(1), 79-93. <https://doi.org/10.1002/cbm.2326>
- Curib, E. L., Mamowalas, J. F., Namoco, R. D., Sanchez, J. C., Canape, B. B., & Cuevas Jr, J. F. (2023). Aftermath of incarceration: Lived experiences of the ex-convict. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 7(6), 857. <https://doi.org/10.47772/ijriss.2023.7668>
- Edwards, L., Jamieson, S., Bowman, J., Chang, S., Newton, J., & Sullivan, E. (2022). A systematic review of post-release programs for women exiting prison with substance-use disorders: assessing current programs and weighing the evidence. *Health & Justice*, 10(1), 1-32. <https://doi.org/10.1186/s40352-021-00162-6>
- Fahmy, C., Gricius, M., Chamberlain, A. W., & Wallace, D. (2022). Prison visitation and the likelihood of post-release employment. *Crime & Delinquency*, 68(12), 2200-2224.
- Geller, A., & Curtis, M. A. (2011). A sort of homecoming: Incarceration and the housing security of urban men. *Social science research*, 40(4), 1196-1213. <https://doi.org/10.1016/j.ssresearch.2011.03.008>
- Grace, A. (2021). *Women, Reentry and Employment: Criminalized and Employable?*. Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781003169505>
- Gungea, M. (2025). Navigating the Uncertainties: A study of the challenges women offenders experience post prison release. *Global Academic Journal of Humanities and Social Sciences.*, 7(1), 1-6. <https://doi.org/10.36348/gajhss.2025.v07i01.001>
- Harding, D. J., Wyse, J. J., Dobson, C., & Morenoff, J. D. (2014). Making ends meet after prison. *Journal of Policy Analysis and Management*, 33(2), 440-470. <https://doi.org/10.1002/pam.21741>.

- Herbert, C. W., Morenoff, J. D., & Harding, D. J. (2015). Homelessness and housing insecurity among former prisoners. *RSF: The Russell Sage Foundation Journal of the Social Sciences*, 1(2), 44-79. <https://doi.org/10.7758/rsf.2015.1.2.04>
- Jasni, M. A. (2023). Model of homeless former prisoner's life experiences and basic needs: a theoretical paper. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(11),
- Jasni, M., Sulaiman, S., Azmy, M. M., & Sohaimi, N. S. (2024). Exploring coping strategies of homeless former prisoners in Chow Kit Road, Kuala Lumpur. *Kajian Malaysia*, 42(2). <https://doi.org/10.21315/km2024.42.2.3>
- Keene, D. E., Smoyer, A. B., & Blankenship, K. M. (2018). Stigma, housing and identity after prison. *The Sociological Review*, 66(4), 799-815. <https://doi.org/10.1177/0038026118777447>
- King, E. A. (2017). Outcomes of trauma-informed interventions for incarcerated women: A review. *International journal of offender therapy and comparative criminology*, 61(6), 667-688. <https://doi.org/10.1177/0306624x15603082>
- Korzh, A. (2022). 'You have been punished in prison. And then when you are released, you are punished for life': Post-incarceration barriers for women in Ukraine. *International Sociology*, 37(3), 373-390. <https://doi.org/10.1177/02685809221084447>
- Larroulet, P., Daza, S., & Bórquez, I. (2023). From prison to work? Job-crime patterns for women in a precarious labor market.. *Social science research*, 110, 102844. <https://doi.org/10.1016/j.ssresearch.2022.102844>
- Lenart-Kłóś, K. (2025). The aspects of homelessness in the experiences of former prisoners staying in post-penitentiary aid centres. *Probacja*, 4, 109-141. <https://doi.org/10.5604/01.3001.0055.5193>
- Lutze, F. E., Rosky, J. W., & Hamilton, Z. K. (2014). Homelessness and reentry: A multisite outcome evaluation of Washington State's reentry housing program for high risk offenders. *Criminal justice and behavior*, 41(4), 471-491. <https://doi.org/10.1177/0093854813510164>
- Martin, L. (2018). "Free but still walking the yard": Prisonization and the problems of reentry. *Journal of Contemporary Ethnography*, 47(5), 671-694. <https://doi.org/10.1177/0891241617737814>
- Milaney, K., Williams, N., Lockerbie, S., Dutton, D., & Hyshka, E. (2020). Recognizing and responding to women experiencing homelessness with gendered and trauma-informed care. *BMC Public Health*, 20(1), 397. <https://doi.org/10.1186/s12889-020-8353-1>
- Mohammad, S., Bahrani, A., Kim, M., & Nowotny, K. M. (2023). Barriers and facilitators to health during prison reentry to Miami, FL. *PLOS ONE*, 18(10), e0285411. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0285411>
- Mourão, A., Sousa, M., Ferreira, M., Gonçalves, L., Caridade, S., & Cunha, O. (2025). Beyond recidivism: A systematic review exploring comprehensive criteria for successful reintegration after prison release. *Criminal Justice and Behavior*, 52(8), 1173 - 1199. <https://doi.org/10.1177/00938548251335322>
- Nguyen, L., Boles, W., Anderson, K., Martin, D., Niyogi, A., & Wennerstrom, A. (2025). A pilot program of a peer support group by and for formerly incarcerated women. *Progress in Community Health Partnerships: Research, Education, and Action*, 19(1), 55 - 62. <https://doi.org/10.1353/cpr.2025.a956597>
- Pino, J., Salibungcogon, R., & Villarmia, J. (2021). Life after prison. *SMCC Higher Education Research Journal* 4(1), 79-88. <https://doi.org/10.18868/cj-v4-a5>

- Remster, B. (2021). Homelessness among formerly incarcerated men: Patterns and predictors. *The ANNALS of the American Academy of Political and Social Science*, 693(1), 141 - 157. <https://doi.org/10.1177/0002716221993447>
- Ripper, B. (2023). Flyers, fighters, and freezers: how formerly incarcerated women coped with reentry and the job search during the COVID-19 pandemic. *Journal of Offender Rehabilitation*, 62(3), 137 - 156. <https://doi.org/10.1080/10509674.2023.2182865>
- Salem, B. E., Brecht, M.L., Ekstrand, M. L., Faucette, M., & Nyamathi, A. M. (2019). Correlates of physical, psychological and social frailty among formerly incarcerated, homeless women. *Health care for women international*, 40(7-9), 788 - 812. <https://doi.org/10.1080/07399332.2019.1566333>
- Salem, B.E., Kwon, J., Ekstrand, M.L., Hall, E. A., Turner, S. F., Faucette, M., & Slaughter, R. (2021). Transitioning into the community: Perceptions of barriers and facilitators experienced by formerly incarcerated, homeless women during reentry - A qualitative study. *Community mental health journal*, 57(4), 609 - 621. <https://doi.org/10.1007/s10597-020-00748-8>
- Schartmueller, D. (2020). A home is more than a roof over your head: Post-prison reintegration challenges in Austria. *European Journal of Probation*, 12(1), 17 - 33. <https://doi.org/10.1177/2066220320908252>
- Tripodi, S., Kennedy, S. C., Miller, F., Renn, T., Veeh, C. A., Pettus, C., & Schelbe, L. (2023). "I feel like i have 'prison' tattooed on my forehead": Women's trajectories after release from incarceration. *Women & Criminal Justice*, 35(4), 284 - 302. <https://doi.org/10.1080/08974454.2023.2297019>
- Tyler, E.T., & Brockmann, B. W. (2017). Returning home: Incarceration, reentry, stigma and the perpetuation of racial and socioeconomic health inequity. *The Journal of Law, Medicine & Ethics*, 45(4), 545 - 557. <https://doi.org/10.1177/1073110517750595>
- Umamaheswar, J. (2022). "On the street, the only person you gotta bow down to is yourself": Masculinity, homelessness, and incarceration. *Justice Quarterly*, 39(2), 379 - 401. <https://doi.org/10.1080/07418825.2020.1869288>
- Van Den Broek, D., Black, P., & N. (2021). Doing double time: Women, incarceration and employment discrimination. *Work, Employment and Society*, 35(5), 968 - 978. <https://doi.org/10.1177/0950017021995662>
- Western, B. (2018). *Homeward: Life in the year after prison*. Russell Sage Foundation.
- Western, B., Braga, A. A., Davis, J., & Sirois, C. (2015). Stress and hardship after prison1. *American Journal of Sociology*, 120(5), 1512 - 1547. <https://doi.org/10.1086/681301>
- Western, B., & Sirois, C. (2019). Racialized re-entry: Labor market inequality after incarceration. *Social Forces*, 97(4), 1517 - 1542. <https://doi.org/10.1093/sf/soy096>
- Wilson, P., Jagasia, E., Lee, J., Hill, K., Peay, A., Murray-Browne, S., Alexander, K. A., Campbell, J. J., & Sharps, P. (2024). Passport to freedom. *Journal of psychosocial nursing and mental health services*, 62(6), 18 - 26. <https://doi.org/10.3928/02793695-20231206-02>
- West, A. (2000). Homeless ex-prisoners: All dressed up and nowhere to go. *Humanity & Society*, 24(4), 405 - 414. <https://doi.org/10.1177/016059760002400408>